



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

KENYATAAN MEDIA YB WONG KAH WO, PENERUS JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PELANTIKAN SEBAGAI PENERUS PAC PARLIMEN BAGI PARLIMEN PENGGAL KE 14.

PAC Parlimen: Cekap, Kredibiliti, Berintegriti – PAC Parlimen akan menebus waktu yang hilang dan memastikan Agenda Reformasi Instituti diteruskan dan dikembangkan

- 1) Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas mandat dan kepercayaan yang diberikan Ahli-Ahli Dewan Rakyat yang memilih saya sebagai Pengerusi PAC Parlimen dengan sebulat suara.
- 2) Pelantikan ini, menuntut satu tanggungjawab yang berat dalam memastikan segala urusan, prosedur dan tatacara kewangan negara dipatuhi sekali gus wang rakyat benar-benar dibelanjakan secara berhemah serta efisien. PAC Parlimen akan terus memainkan peranan dengan berkesan dalam menyediakan mekanisme '*check and balance*' dalam sistem demokrasi kepada Kerajaan dengan lebih telus serta berakauntabiliti.
- 3) Saya akan menggunakan pengalaman saya sebagai mantan Naib Pengerusi Jawatankuasa ini selama kira-kira dua tahun untuk mengendalikan setiap prosiding PAC Parlimen dengan kepentingan Negara dan Rakyat diletakkan di tempat yang utama. Saya akan berkerjasama secara erat dengan Naib Pengerusi PAC, YB Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun dan ahli-ahli PAC yang bakal dipilih dalam melaksanakan tanggungjawab dan mandat yang diberikan. Sehubungan itu, saya menyeru supaya Jawatankuasa Pilihan Parlimen membuat lantikan Ahli-Ahli PAC Parlimen dengan kadar segera untuk membolehkan PAC Parlimen menjalankan tugas yang diamanahkan.
- 4) Oleh itu, saya menyeru ahli-ahli PAC yang bakal dipilih Jawatankuasa Pemilih supaya mengetepikan ideologi dan pendirian politik masing-masing apabila mereka menghadiri mesyuarat PAC Parlimen supaya semua prosiding PAC dapat dijalankan tanpa rasa takut atau memihak mana-mana pihak. PAC juga akan meneruskan konvensyen kami yang mana segala keputusan-keputusan yang bakal dibuat akan dicapai secara persetujuan kesemua Ahli-Ahli PAC. Saya hendak memastikan PAC Parlimen disanjung dengan **kecekapan, kredibiliti dan integritinya**.
- 5) Tumpuan utama PAC selepas ini sudah pasti adalah untuk menyelesaikan semua prosiding yang tertunggak dan membentangkan semua laporan prosiding di Dewan Rakyat selepas PAC Parlimen tidak bersidang hampir 6 bulan sejak pertengahan Mac lalu. **Kita telah kehilangan masa keemasan sepanjang tempoh Sidang Parlimen ini sepanjang 7 minggu yang mana PAC patut bersidang pada masa yang sama, dan PAC Parlimen perlu mengorak langkah semula untuk menebus waktu yang hilang.**

- 6) **Saya berpegang teguh bahawa semua prosiding yang dilakukan PAC Parlimen perlu dilakukan dengan terbuka, telus serta demokratik sekali gus akan meningkatkan kepercayaan terhadap proses demokrasi di negara ini. Saya akan memastikan agenda reformasi institusi yang dilaksanakan sejak tahun 2018 dapat diteruskan dan diperkembangkan.** Selaras dengan itu, saya berharap Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat meneruskan usaha untuk meminda Peraturan Mesyuarat 85 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang tidak membenarkan mesyuarat prosiding PAC dilakukan secara terbuka bagi memastikan semua prosiding PAC dijalankan secara telus, berakauntabiliti dan berkredibiliti.
- 7) Saya juga berharap dapat memastikan Laporan PAC Parlimen dibahaskan dalam Dewan Rakyat dengan diberikan slot masa khusus untuk perbahasan laporan PAC Parlimen.
- 8) Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua Mantan Pengerusi PAC Parlimen selepas berkhidmat sebagai Naib Pengerusi PAC sejak 7 Ogos 2018 kepada YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Datuk Dr Noraini Ahmad atas segala tunjuk ajar serta pengalaman yang ditimba sepanjang berkhidmat bersama mereka.

Sekian terima kasih

YB Wong Kah Woh
Pengerusi PAC Parlimen
27 Ogos 2020.